



NEGERI SABAH

[JPAN: 700-3/8/(29)]

PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI SABAH BIL. 5/2017

**PENAMBAHBAIKAN PERGERAKAN GAJI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM
NEGERI SABAH BERTARAF SEMENTARA**

TUJUAN

1. Pekeliling perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklumkan tentang tarikh pergerakan gaji Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri bertaraf sementara selepas lulus peperiksaan-peperiksaan yang diwajibkan. Penjelasan ini tidak dinyatakan didalam Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 22/2014 – Pergerakan Gaji Tahun Pegawai Perkhidmatan Awam Bertaraf Sementara.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan Negeri telah mengeluarkan Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 22/2014 selaras dengan pelaksanaan Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 7/2013 – Program Transformasi Minda yang telah berkuat kuasa pada 1 Mac 2013 bagi menggantikan Kursus Induksi, sebagai salah satu syarat pemberian Pergerakan Gaji Tahunan bagi pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Sabah yang dilantik bertaraf sementara.

SYARAT-SYARAT PERGERAKAN GAJI

3. Pegawai sementara yang telah memenuhi syarat pergerakan gaji seperti yang ditetapkan di perenggan 5, Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 22/2014, tarikh pergerakan gaji akan berubah seperti yang berikut:

Tarikh Lulus Peperiksaan/Memenuhi Syarat-Syarat Pergerakan Gaji	Tarikh Pergerakan Gaji (Tahun Berikutnya)
Diantara 1 Januari hingga 31 Mac	1 Januari
Diantara 1 April hingga 30 Jun	1 April
Diantara 1 Julai hingga 30 September	1 Julai
Diantara 1 Oktober hingga 31 Disember	1 Oktober

PEMAKAIAN


4. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 22/2014.

5. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling Perkhidmatan ini dipanjangkan kepada Pihak Berkuasa Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri.

TARIKH KUAT KUASA

6. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 Mac 2013**.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(TAN SRI SUKARTI BIN WAKIMAN)

Setiausaha Kerajaan Negeri

Tarikh :

3/5/2017

s.k. Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan
Blok C, Pusat Pentadbiran Negeri Sabah
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat
88400 KOTA KINABALU

Bendahari Negeri
Jabatan Bendahari Negeri
88595 KOTA KINABALU

Pengarah Audit
Jabatan Audit
88990 KOTA KINABALU

Diedarkan kepada : Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah